

Literatur dan Kajian Tentang Gender di Malaysia Sejak 1980 hingga Dekad 2000an¹

Azlina Abdullah

Abstrak

Malaysia sejak lebih 50 tahun mencapai kemerdekaan bukan sahaja telah mengalami perubahan yang sangat ketara dari segi pembangunan dan pemodenan, malah berlaku perkembangan masyarakat secara keseluruhannya. Penyertaan wanita secara aktif dalam proses pembangunan negara telah memberi implikasi dan menimbulkan pelbagai persoalan gender dalam setiap lingkungan pembabitan wanita. Ia sekaligus menarik minat ramai sarjana, pengkaji mahupun pembuat dasar negara membahaskannya melalui pelbagai kajian dan wacana. Artikel ini cuba membincangkan kajian-kajian bertemakan gender di Malaysia yang dikenalpasti sejak tahun 1980 hingga 2000-an. Kajian-kajian mengenai pelbagai dimensi gender telah dilakukan bukan sahaja oleh sejumlah pensyarah, malah juga oleh pelajar sarjana dan PhD hampir di semua universiti awam termasuk universiti swasta. Namun, tumpuan ke atas kajian-kajian tentang gender ketara bermula 1990 hinggalah ke hari ini meliputi soal perbezaan dan kesaksamaan gender hinggalah kepada persoalan transgenderisme. Melalui Dasar Wanita Negara, penekanan diberi kepada penyelidikan-penyelidikan mengenai aspek gender yang bertujuan menjana pendekatan inovatif dan kreatif dalam penggubalan dasar dan perancangan serta pelaksanaan program. Persoalan gender ternyata menjadi semakin penting dan memberi impak besar kepada negara, selain menyumbang kepada cadangan dasar khususnya dalam setiap rancangan pembangunan.

Kata kunci: gender; wanita; penyelidikan; Malaysia.

Abstract

Malaysia with more than 50 years of independence has undergone rapid development and modernisation. Women's active participation in national development had an impact not only on the women themselves, but also on families, communities and the nation. The scenario has contributed to debate among scholars, researchers and policy makers. This article discusses the theme of gender studies carried out in Malaysia from 1980 until the 2000s. Studies of gender have been conducted by lecturers, masters and PhD students in almost

¹ Artikel ini berasaskan sebahagian bab dalam Laporan Akhir Kajian Inventori Penyelidikan Pembangunan Sosial di Malaysia, 2001-2005 (Abdul Rahman Embong *et.al* 2009) serta telah dikembangkan dan dikemaskini oleh penulis dengan mengemukakan kajian-kajian terbaru tentang gender di Malaysia. Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Profesor Emeritus Dato' Dr Abdul Rahman Embong dari Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana banyak memberi tunjuk ajar, nasihat dan bantuan sepanjang saya menyiapkan artikel ini. Walau apapun, sebarang kelemahan dalam artikel ini adalah tanggungjawab saya sendiri.

all IPTAs and institutions. However, beginning in 1990 until now the focus of study has covered gender differences and gender equality, including transgenderism. Through the National Policy on Women (DWN), studies on gender are aimed at generating an innovative and creative approach in policy formulation, planning and implementation of programs. The study of gender is important for its contribution to policy recommendations in the country's development plans.

Keywords: gender; women; research; Malaysia.

Pengenalan

Persoalan tentang gender dan kesaksamaan gender mula dititikberatkan sejak 1990an khususnya setelah Deklarasi Beijing pada 1995. Di Malaysia, tumpuan ke atas persoalan gender bukan sahaja didapati dalam wacana-wacana ilmiah, malah turut diarusperdanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (2001-2005) dan Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010). Rancangan-rancangan ini berusaha menangani isu berkaitan gender khususnya wanita bagi membolehkan wanita menggunakan potensi mereka sepenuhnya dan melibatkan diri dengan lebih berkesan sebagai rakan dalam pembangunan bersama-sama dengan kaum lelaki selaras dengan wawasan negara. Melalui pelbagai rancangan, kekangan perundangan dan institusi yang menghalang penyertaan wanita yang lebih besar dalam bidang ekonomi dikaji semula untuk menggalakkan penglibatan yang aktif serta menyumbang kepada kemajuan negara yang lebih baik. Penekanan diberikan bagi tujuan memperkasa wanita dengan menyediakan akses yang lebih luas kepada pendidikan pekerjaan dan juga dalam kedudukan penting yang melibatkan pembuatan dasar negara.

Umumnya agak sukar untuk membezakan antara kajian gender dengan kajian wanita. Ini kerana terdapat kajian-kajian yang dijalankan boleh dikategorikan sebagai kajian gender dan juga kajian wanita. Gender yang membawa maksud perbezaan peranan antara lelaki dan wanita yang dibina dalam sebuah masyarakat dilihat dari sudut sosial, ekonomi dan juga politik. Fokus utama pendekatan gender adalah untuk mencari sebab wanita diberi tugas atau peranan yang berstatus rendah berbanding dengan lelaki apabila mereka memasuki pasaran buruh. Selain itu, penekanan adalah ke atas aspek hubungan dalam keluarga dan menganggap wanita selalunya ditindas dalam keluarga apabila keutamaan lebih diberi kepada lelaki khususnya dalam sistem kekeluargaan yang meletakkan bapa sebagai ketua keluarga. Justeru, dalam artikel ini tema gender dibezakan dengan merujuk kepada kajian gender yang menumpu kepada hubungan kuasa lelaki dan wanita, tentang kesaksamaan, dan penyertaan wanita dalam pekerjaan dan pembangunan negara, serta lain-lain persoalan yang berhubungan dengan wanita dan lelaki dalam aspek ekonomi, politik, pendidikan, keluarga dan banyak lagi.

Kajian-kajian mengenai pelbagai dimensi tentang gender dilakukan oleh sejumlah pensyarah dan juga pelajar sarjana dan PhD hampir di semua universiti awam. Selain itu, terdapat juga kajian tentang gender yang dijalankan oleh universiti swasta seperti Universiti Tenaga Nasional. Kajian-kajian tentang gender di Malaysia semakin banyak diberi tumpuan oleh pengkaji sejak 1990an, malah semakin ketara bilangan kajian beserta penerbitan hasil kajian setelah penubuhan institusi atau pusat kajian termasuk pertubuhan seperti penubuhan Southeast Asian Association for Gender Studies (SAMA) Malaysian Branch pada 1991 yang telah menjadi penyuntik kepada banyak kajian tentang gender dalam pelbagai isu. Kemudian, selepas penubuhan SAMA, tertubuhnya beberapa unit kajian gender di pelbagai universiti awam tempatan seperti pusat, program, dan kluster penyelidikan.

Salah satu pusat pengajian gender yang penting ialah Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA) di Universiti Sains Malaysia (USM) yang bermula dari penubuhan kluster penyelidikan tentang wanita, kanak-kanak dan kemiskinan di bawah

tajaan UNICEF pada 1978. KANITA menjadi perintis kepada bidang gender yang dikatakan agak tersisih dalam dunia akademia. Melalui penubuhannya, paparan ke atas lebih 30 tahun pemikiran kritis tentang perkembangan dan kaedah penyelidikan serta strategi dasar yang bertujuan mensaksamakan dan mengarusperdanakan gender dalam pendidikan dan pembangunan negara telah pun dilakukan. Selain KANITA di USM, terdapat Program Pengajian Gender Universiti Malaya (UM); Unit Penyelidikan Pembangunan dan Gender, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ditubuhkan pada 1995, dulunya Unit Kajian Wanita; dan di UKM Kumpulan Kajian Wanita yang dibentuk pada 1996 dan dinaiktaraf menjadi Pusat Penyelidikan Gender pada 2003. Bagi universiti baru seperti Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), telah diwujudkan Kluster Penyelidikan Pengajian Gender yang mana diletakkan di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (Abdul Rahman 2010, 111-112).

Kajian dan Penerbitan Sejak 1980an hingga 2000

Dalam tempoh 20 tahun antara 1980-2000, terdapat banyak kajian tentang gender yang menumpu dalam pelbagai aspek telah dijalankan oleh ramai pengkaji. Daripada Laporan 'Kajian Inventori Penyelidikan Sains Sosial di Malaysia 1980-2000' (2003), apa yang menarik perhatian ialah sebahagian kajian ini merupakan kajian rundingan untuk agensi kerajaan seperti HAWA, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sebagainya termasuk agensi luar negara. Kajian-kajian lain pula adalah kajian asas dan gunaan yang dilakukan sejumlah penyelidik di universiti yang menggunakan pelbagai geran. Pada masa yang sama, banyak juga tesis di peringkat sarjana dan sejumlah tesis peringkat PhD mengenai gender dalam pelbagai tumpuan kajian telah dilakukan. Selain itu, terdapat beberapa buah buku, artikel jurnal serta bab dalam buku telah dihasilkan mengenai tema gender dan yang berkaitan.

Kajian dan penerbitan terawal tentang gender di Malaysia khususnya bermula sejak 1980an adalah menumpu kepada kajian tentang wanita seperti *Women in Malaysia* (1984) suntingan Hing Ai Yun, Nik Safiah Karim dan Rokiah Talib, diikuti *Women and Work in Malaysia* (1986) suntingan Hing Ai Yun dan Rokiah Talib. Satu lagi buku ialah terbitan Unit Kajian Wanita, UPM (kini Unit Penyelidikan Pembangunan dan Gender) bertajuk *Technology and Gender Women's Work in Asia* (1987) suntingan Cecillia Ng.

Jika dilihat dari segi kajian yang bersifat rundingan, terdapat beberapa kajian dan penerbitan awal yang mendapat pembiayaan daripada organisasi tertentu seperti kajian yang dibiayai EPU tahun 1988 bertajuk 'A Study of Indian Women in the Estates in Peninsular Malaysia: Social Mixing, Marriage and the Family' oleh Tan Poo Chang *et.al*. Kemudian, kajian yang dipelopori oleh beberapa orang pengkaji tempatan seperti Jamilah Ariffin, Nor Aini Abdullah, Rohana Yusof dan ramai lagi yang turut diterbitkan. Antaranya ialah kajian yang dibiaya oleh HAWA iaitu 'Gender Attitudes towards Malaysian Women's Appropriate Roles: Findings from a Survey in Selangor' (1993) oleh Jamilah Ariffin, 'Human Resource Development towards 2020: Upgrading Skills among Women Managers in the Public Sector' (1993) oleh Norma Mansor, *From Kampung to Urban Factories: Findings from the HAWA Studies* (1994) suntingan Jamilah Ariffin, dan 'Kajian Penyelidikan terhadap Keberkesanan Undang-undang Kini dalam Memberikan Perlindungan kepada Wanita' (1996) oleh Nor Aini Abdullah dari UM. Kemudian, kajian 'Penglibatan Wanita dalam Gerakan Koperasi di Semenanjung Malaysia' (1999) oleh Hayati Md Salleh *et.al* dengan pembiayaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-7.

Terdapat juga kajian-kajian rundingan yang dibiaya oleh pihak bukan kerajaan termasuk agensi luar seperti Kitakyashu Forum on Asian Women bertajuk 'Effects on Economic Development on Family and Gender Relations in Developing Countries in Asian Women' (1995), dan 'Kajian Pengurusan Pemasaran dan Organisasi Kumpulan Pengembangan

Wanita, Pulau Pinang' (1996) oleh Mohd Isa Abu Bakar yang dibiaya oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang.

Daripada kebanyakan kajian tentang gender yang dijalankan dalam tempoh dua dekad ini didapati ada antara hasil kajian tersebut diterbitkan sebagai buku, bab dalam buku atau artikel dalam jurnal. Antara kajian-kajian gender dan penerbitan dalam dekad 1990an ialah *Women & Development in Malaysia* (1992) oleh Jamilah Ariffin, *Penyertaan Wanita Melayu Luar Bandar dalam Aktiviti Ekonomi sebagai Usaha Mempertingkatkan Kualiti Hidup* (1993) oleh Rohana Yusof *et.al* dari Universiti Utara Malaysia (UUM), *Sejarah Sosial Kaum Wanita Keturunan Cina: Satu Kajian dari Perspektif Gender* (1995) oleh Tan Liok Ee & Tan Pek Leng dari USM, *Gender, Culture and Religion* oleh Norani Othman dan Cecilia Ng yang diterbitkan oleh Persatuan Sains Sosial Malaysia pada tahun 1995, *Kedudukan dan Citra Wanita Melayu di Zaman Kolonial* (1997) oleh Sharifah Zaleha Syed Hassan *et.al* dari UKM, dan *Women and Trade Unions in Peninsular Malaysia with Special Reference to MTUC and CUEPACS* (1997) oleh Rohana Ariffin.

Terdapat juga dua penerbitan yang memberi sumbangan penting terhadap kajian gender di Malaysia bertajuk *Gender, Budaya dan Masyarakat* (1998) oleh Rokiah Talib dan Shanti Thambiah, dan *Malaysian Women in the Wake of Change* (1998) oleh Sharifah Zaleha Syed Hassan terbitan Program Pengajian Gender UM. Sebelum itu, karya bertajuk *Dimensions of Tradition and Development in Malaysia* oleh Rokiah Talib dan Tan Chee Beng.

Tumpuan Kajian Sejak 2001 hingga 2010

Kajian-kajian di bawah tema gender didapati bertambah rencam dan semakin meluas penelitiannya pada dekad 2000an. Daripada 'Kajian Inventori Penyelidikan Pembangunan Sosial 2001-2005' didapati dalam tempoh lima tahun terdapat 64 buah kajian mengenai pelbagai persoalan gender yang dijalankan oleh pelbagai universiti yang boleh digolongkan dalam bidang pembangunan sosial. Daripada jumlah tersebut 50 peratus adalah kajian asas dan gunaan, enam peratus adalah kajian rundingan atau kontrak, dan bakinya adalah kajian tesis di peringkat sarjana dan PhD.

Secara umum, kajian-kajian tentang gender yang dijalankan di kebanyakan universiti untuk tempoh 2001-2005 adalah tertumpu kepada persoalan-persoalan wanita yang lazimnya mendokong pelbagai peranan penting iaitu sebagai isteri dan ibu dalam rumah tangga, pekerja, majikan atau pemimpin di luar institusi keluarga. Persoalan tentang peranan dan cabaran wanita dalam melaksanakan pelbagai tanggungjawab di samping kaum lelaki yang merupakan pencari nafkah utama keluarga sering menjadi perbincangan utama dalam kebanyakan kajian. Selain itu, perbandingan gender antara lelaki dan wanita dalam pelbagai aspek seperti pemilihan kerjaya, pencapaian akademik dan kepemimpinan turut menjadi tumpuan banyak kajian.

Kajian-kajian mengenai gender jelas menunjukkan kepelbagaian tema yang menarik dan penting. Antaranya termasuk tumpuan terhadap penglibatan wanita dalam pekerjaan yang didominasi oleh lelaki, kepemimpinan wanita, dan perbandingan gender dalam pemilihan kerjaya, prestasi akademik dan juga gaya pembelajaran. Terdapat karya awal terbitan ASEAN Academic Press bertajuk *Malaysian Women in Rural Development and Entrepreneurship: From Rural Producers to Urban Entrepreneurs* (2001) oleh Maimunah Ismail, dan *Women in Malaysia: Breaking Boundaries* (2003) karya suntingan Roziah Omar dan Azizah Hamzah.

Satu kajian penting bersifat rundingan mengenai gender tahun 2003 diketuai oleh Wazir Jahan Karim, mantan profesor di USM dan ditaja oleh Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kajian berjudul 'A National Study on Information and Communication Technologies and Gender' mengkaji hubungan antara gender dengan ICT. Kajian ini berusaha untuk menganalisis dan menilai prestasi dan pencapaian wanita dalam

industri ICT serta melihat setakat mana berlaku diskriminasi atau pilihan yang diasaskan kepada perbezaan gender. Kajian ini menggunakan kaedah survei dengan mengirim soal selidik kepada 500 syarikat / agensi atau perusahaan di sektor awam dan swasta, namun hanya 79 sahaja yang memberikan maklum balas (65.1 peratus daripadanya syarikat / perusahaan milik Malaysia, 28.6 peratus syarikat antarabangsa, manakala 6.1 peratus adalah syarikat usaha sama Malaysia dan asing). Daripada 79 syarikat / agensi atau perusahaan yang memberi maklum balas itu, sejumlah 5,005 responden yang terdiri daripada pekerja mereka menjawab soal selidik – 3,997 (78.8 peratus) daripada sektor swasta dan bakinya sebanyak 1,008 (21.2 peratus) lagi daripada sektor awam. Kajian mendapati pekerja lelaki dalam industri ICT lebih kompetitif dan tertarik kepada sektor swasta kerana gaji yang lebih tinggi dalam sektor ini. Terdapat perbezaan gaji yang besar antara pekerja lelaki dengan wanita dalam sektor swasta sekalipun dalam kalangan mereka yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang setara. Pekerja lelaki lebih diutamakan kerana lelaki dipercayai lebih berkemahiran, berbakat dan berdaya usaha, lebih bijak menyelesaikan masalah dan lebih mahir tentang sistem data berintegrasi. Walaupun abad baru dianggap abad yang menghormati kesaksamaan gender, kajian ini menyimpulkan masih terdapat perbezaan atau diskriminasi berasaskan gender. Justeru, kajian tersebut mengesyorkan wanita menganggap penguasaan ICT sebagai usaha pembelajaran seumur hidup kerana teknologi ini dan kemahiran menguasainya terus menerus berubah dan perlu ditingkatkan.

Selain itu, tumpuan kajian wanita sebagai pemimpin atau ketua akademik di universiti awam telah dijalankan oleh Rosiatimah Mohd Isa *et.al* (2002) dari UiTM. Kajiannya bertajuk 'A Survey on Perceptions towards Female Academic Leaders in Public Universities' dijalankan di tiga buah universiti awam iaitu UiTM, UUM dan USM yang meneliti persepsi golongan akademik tentang kepemimpinan wanita dalam bidang akademik. Hasil kajian mendapati responden di ketiga-tiga institusi memberi peluang yang sama rata kepada wanita untuk menjawat jawatan sebagai ketua akademik. Hasil kajian juga menunjukkan adanya pengiktirafan baik daripada kaum wanita mahupun lelaki kepada kepemimpinan akademik wanita di universiti. Sungguhpun begitu, kajian tidak menafikan bahawa wanita terpaksa berusaha keras dan bekerja lebih gigih berbanding lelaki dalam usaha mendapatkan kenaikan pangkat dan memegang jawatan utama di universiti.

Kajian lain tentang kepemimpinan wanita sebagai ketua atau pemimpin turut dijalankan oleh pelajar sarjana dan PhD. Satu kajian kualitatif di peringkat PhD bertajuk 'Tingkah Laku dan Gaya Kepemimpinan Pemimpin Akademik Wanita di Sebuah Universiti Awam' oleh Zaharah Hassan (2004) dari UM mengenalpasti dan memerihalkan tingkah laku dan gaya kepemimpinan pemimpin akademik wanita dengan menekankan kepada pengaruh situasi dan peranan organisasi. Penemuan kajian daripada tujuh orang responden yang dikaji menunjukkan kesemua pemimpin mempamerkan tingkah laku yang berbagai-bagai. Antaranya ialah tingkah laku kepemimpinan boleh jadi memfokus kepada tugas, atau memfokus kepada tugas dan pengikut yang mana pengikut adalah bergantung kepada situasi. Selain itu, kajian mendapati tingkah laku meminta pendapat dan mendelegasi kerja kebiasaannya kepada subordinat yang dianggap mempunyai kematangan iaitu yang berpengalaman, berpengetahuan dan bersedia untuk turut serta dalam proses membuat keputusan. Kajian juga mendapati, tingkah laku kepemimpinan wanita sering dipengaruhi oleh tingkah laku kepemimpinan pemimpin lain dan juga faktor situasi.

Selain bergiat aktif dalam pembangunan ekonomi negara, wanita juga telah lama memainkan peranan yang aktif dalam bidang politik seiring dengan kaum lelaki. Malah, wanita merupakan kumpulan pengundi yang besar dan sering memainkan peranan sebagai peraih atau perayu undi. Kajian bertajuk 'Penyertaan Wanita dalam Politik: Satu Kajian Sikap Lelaki Islam di Terengganu' dijalankan oleh Roslina Ismail (2003) dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) meneliti sejauh mana kecenderungan sikap stereotaip lelaki Islam terhadap penyertaan wanita dalam politik di Terengganu. Kesimpulan daripada sikap

stereotaip itu kemudiannya dibandingkan dengan data penyertaan wanita dalam politik di Terengganu sejak merdeka sehingga pilihan raya 1999. Seramai 119 responden lelaki Islam dari enam daerah di Terengganu terlibat dalam kajian tersebut.

Selain kajian yang memfokus kepada persoalan kepemimpinan wanita dan penglibatan wanita dalam politik negara, terdapat banyak juga kajian yang meneliti dan menumpu kepada perbandingan gender dari segi gaya pembelajaran, tahap pencapaian akademik, dan pemilihan kerjaya. Kajian oleh Nor Azmi Mostafa (2003) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjudul 'A Case Study of Gender Differences in Language Learning Styles among Bilingual University Undergraduates' dijalankan bagi meneliti perbezaan gaya pembelajaran bahasa dan tahap bilingualisme dalam kalangan pelajar prasiswazah lelaki dan perempuan di UPSI. Daripada 119 orang responden yang dikaji, didapati darjah bilingualisme pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Pelajar wanita didapati kerap bertutur bahasa Inggeris dalam aktiviti seharian. Mereka bukan sahaja bertutur bahasa Inggeris dengan keluarga di rumah dan dengan adik beradik, malah juga dengan kawan semasa di universiti. Kajian juga mendapati gaya pembelajaran secara individu pula menunjukkan kepelbagaian antara pelajar lelaki dengan wanita. Pelajar lelaki didapati cenderung memilih gaya pembelajaran *tactile* dan *kinesthetic* berbanding pelajar perempuan.

Kajian perbandingan gender dalam soal pemilihan kerjaya dalam kalangan graduan selepas tamat pengajian pula telah dijalankan oleh Ahmad Che Yaacob *et.al* (2003) dari UiTM yang bertajuk 'Pemilihan Kerjaya di Kalangan Bakal Graduan: Satu Perbandingan Gender di UiTM Cawangan Johor'. Kajian Ahmad dilakukan ke atas 200 responden dengan membuat perbandingan ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dan tahap persediaan bekerja dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Hasil kajian mendapati wujud perbezaan yang signifikan antara kedua-duanya. Faktor nilai agama didapati paling mempengaruhi pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya. Manakala, kajian yang berkaitan dengan pencapaian akademik pelajar lelaki dan perempuan dijalankan oleh Siti Khaidah Ab Manan *et.al* (2003) dari UiTM berjudul 'Kajian Mengenai Pencapaian Akademik Pelajar-pelajar di UiTM Shah Alam: Satu Analisa Perbandingan antara Jantina'. Kajian ini meneliti sama ada gender mempunyai perkaitan dan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar yang menuntut di UiTM Shah Alam. Dapatan kajian mendapati pencapaian akademik pelajar wanita adalah lebih baik berbanding pelajar lelaki. Manakala, kajian Mohd Halim Kadri *et.al* (2003) dari UiTM bertajuk 'The Effect of Lecturer Gender, Teaching Experience and Student Gender on Student Achievement' yang meneliti kesan gender dan pengalaman pengajaran ke atas prestasi pelajaran pelajar-pelajar yang mengambil kursus perakaunan mendapati gender pensyarah adalah mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar. Walau bagaimanapun, kajian mendapati pensyarah yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 10 tahun tidak menunjukkan pengaruh gender ke atas prestasi pelajar.

Kemunculan pelbagai konflik dan persoalan daripada kepelbagaian peranan yang dimainkan oleh wanita dalam era globalisasi menarik minat sejumlah pengkaji untuk menelitinya. Antaranya ialah kajian berbentuk asas dan gunaan oleh Zubaidah Zainal Abidin *et.al* (2004) dari UiTM bertajuk 'Impediments to Women Accountants' Career Progression in Malaysia'. Kajian ini meneliti persepsi 396 akauntan wanita yang berdaftar di bawah *The Malaysian Institute of Accountants* (MIA) tentang halangan-halangan yang mereka hadapi khususnya mengenai rumah tangga dan keluarga, persekitaran dan tuntutan kerja, kemudahan yang disediakan oleh majikan, fleksibiliti kerja, bayaran kerja lebih masa, dan beban kerja yang sentiasa bertambah. Fokus kajian turut meneliti kewujudan 'siling kaca' di organisasi tempat mereka bekerja. Hasil kajian Zubaidah mendapati kurang atau tidak ada langsung penghargaan daripada golongan atasan dan juga sokongan daripada pengurusan, spesifikasi kerja yang tidak jelas, komunikasi yang kurang dalam kalangan rakan sejawat, penilaian prestasi yang sangat rigid dan tidak transparan merupakan halangan-halangan persekitaran yang wujud. Daripada kajian yang dijalankan juga didapati konflik rumah

tangga dengan tuntutan kerjaya khususnya masa kerja yang panjang, kekerapan bekerja di luar kawasan dan tekanan persekitaran kerja juga menjadi faktor yang menghalang wanita melibatkan diri dalam profesyen akauntan yang didominasi oleh kaum lelaki.

Beberapa penerbitan penting terkini yang mengetengahkan kajian-kajian tentang gender dan dikumpulkan menjadi sebuah buku terbitan Penerbit UKM bertajuk *Studies on Women in Malaysia, 1990-2004: An Overview and Bibliography* (2006) oleh Zainab Awang Ngah, Jamilah Ariffin, dan sebuah lagi bertajuk *A Profile of Women's and Gender Studies in Malaysia* oleh Cecilia Ng dan Rashidah Shuib (2009). Manakala, kumpulan penyelidik KANITA yang terdiri daripada Cecilia Ng, Maznah Mohamad dan Tan Beng Hui telah menyumbang hasil kerja bertajuk *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An Unsung Revolution* (2006) terbitan PSSM dan Routledge. Kemudian Hew Cheng Sim (2007) telah menghasilkan buku bertajuk *Village Mothers, City Daughters: Women and Urbanization in Sarawak*, dan sebelum itu penulisan bertajuk *Women Workers, Migration and the Family in Sarawak* (2003).

Penerbitan terkini lain yang memfokus kepada isu gender dan menyumbang kepada bidang ini ialah buku bertajuk *Wanita dan Pembangunan Ekonomi* (2008) oleh Nor Aini Haji Idris yang membincangkan secara mendalam tentang penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi negara termasuk sektor pertanian, industri dan perkhidmatan. Seterusnya buku terbitan Penerbit UKM bertajuk *Transformasi Masyarakat: Cabaran Keluarga, Gender dan Sosiobudaya* (2008) suntikan Rahimah Abdul Aziz yang mengandungi satu bahagian tentang cabaran gender bertajuk 'Seksualiti Melayu: Suatu Tinjauan Awal' oleh Shamsul A.B dan Mohamad Fauzi S., dan 'Fenomena Mak Nyah di Malaysia' oleh Michelle Lee Guy.

Sebuah lagi karya terkini yang menyentuh pelbagai dimensi persoalan gender khususnya wanita telah dilakukan oleh beberapa pensyarah dari UKM dan hasilnya diterbitkan dalam sebuah buku bertajuk *Peranan, Hak dan Penyesuaian Hidup Wanita di Malaysia* suntikan Aishah@Eshah Haji Mohamed *et.al* (2009). Buku yang membincangkan pelbagai isu gender dan dimuatkan dalam tiga bahagian utama merangkumi pekerjaan dan peranan, hak dan jati diri, dan penyesuaian hidup. Kepelbagaian tumpuan perbincangan dan analisis kajian telah ditonjolkan dalam buku ini di bawah payung peranan, hak dan penyesuaian hidup wanita di Malaysia yang bersifat multi-dimensi mengenai pengalaman hidup wanita dalam masyarakat dengan disokong data dan maklumat daripada kajian-kajian terperinci yang dijalankan.

Kesimpulan

Perubahan negara kesan pembangunan rancak dan pemodenan dalam tempoh lebih 50 tahun sejak mencapai kemerdekaan telah menyediakan ruang wacana yang luas kepada para sarjana dan pengkaji dalam memahami pelbagai persoalan dalam masyarakat. Soal kesaksamaan gender telah menjadi cita-cita utama dalam Dasar Wanita Negara (DWN) yang jelas menyatakan hasrat untuk merealisasikan aspirasi kerajaan dalam membangunkan modal insan yang berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri, selain melahirkan wanita yang berilmu dan berwawasan, mempunyai daya kreativiti dan inovasi serta menghayati nilai-nilai murni. Hasrat tersebut cuba direalisasikan melalui penyelidikan-penyelidikan mengenai aspek gender yang bertujuan menjana pendekatan inovatif dan kreatif dalam penggubalan dasar dan perancangan serta pelaksanaan program. Perubahan wanita Malaysia khususnya dari segi status, peranan dan juga kebajikan telah menjadikan wanita sebagai satu aset penting dalam pembangunan negara. Namun, cabaran utama yang dihadapi wanita masa kini ialah menggalas peranan yang pelbagai dalam rumah tangga, di tempat kerja mahupun dalam masyarakat. Penglibatan secara aktif di luar lingkungan keluarga menuntut wanita menanganinya secara bijak agar tidak menjejaskan pembangunan keluarga. Ini kerana sebagai unit asas dalam masyarakat, keluarga berperanan penting dalam menentukan keharmonian kehidupan masyarakat dan negara.

Pengiktirafan kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan sokongan dari NACIWID (Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan) dan juga HAWA (Secretariat for Women's Affairs) terhadap sumbangan wanita dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, politik, mahupun sosial jelas sangat membantu golongan wanita. Selain itu, melalui DWN yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan, prinsip Rukun Negara dan Dasar Sosial Negara merupakan satu usaha negara mencapai kesaksamaan gender dan pembangunan yang seimbang dan lestari dengan mengintegrasikan wanita dalam setiap program pembangunan negara. Dalam senario penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menjadi semakin penting sejak 1990an, peningkatan minat dalam kalangan pengkaji sarjana mahupun pelajar, dan percambahan lebih banyak program, jabatan mahupun pusat penyelidikan khusus mengenai gender di institusi pengajian tinggi juga merupakan faktor penyumbang kepada peningkatan bilangan kajian yang bertemakan gender. Tumpuan kajian didapati meliputi pelbagai aspek malah bersifat merentasi pelbagai bidang ilmu termasuk sosial, ekonomi, politik, sejarah, perundangan, agama dan lain-lain. Jelas kajian-kajian yang dijalankan sejak lebih tiga dekad bukan sahaja sangat berguna kepada perkembangan ilmu dan rujukan sahaja, malah membuktikan persoalan gender menjadi semakin penting dan memberi impak besar kepada negara, selain menyumbang kepada cadangan dasar khususnya dalam setiap rancangan pembangunan negara.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong & Nor Hayati Sa'at. 2003. Kajian inventori penyelidikan sains sosial di Malaysia 1980-2000. Laporan Teknikal. Kuala Lumpur. Persatuan Sains Sosial Malaysia & Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.
- Abdul Rahman Embong, Nor Hayati Sa'at, Azlina Abdullah, Zurina Mansor & Ruzamri Ruwandi. 2009. Kajian inventori penyelidikan pembangunan sosial di Malaysia 2001-2005. Laporan Teknikal. Kuala Lumpur. Persatuan Sains Sosial Malaysia & Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Abdul Rahman Embong. 2010. *Malaysian Studies: Looking Back, Moving Forward*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia
- Ahmad Che Yaacob & Abdul Halim Ramli. 2003. Pemilihan kerjaya di kalangan bakal graduan: Satu perbandingan gender di UiTM cawangan Johor. Laporan Teknikal. Universiti Teknologi MARA Malaysia.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed, Sulong Muhamad, Zaidah Mustapha & Rokiah Ismail (Pytg.). 2009. *Peranan, Hak dan Penyesuaian Hidup Wanita di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Halim Kadri, Fatimah Alwi & Marshita Hashim. 2003. The Effect of lecturer gender, teaching experience and student gender on student achievement. Laporan Teknikal. Universiti Teknologi MARA Malaysia.
- Nor Azmi Mostafa. 2003. A case study of gender differences in language learning styles among bilingual university undergraduates. Laporan Teknikal. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahimah Abdul Aziz (Pytg). 2008. *Transformasi Masyarakat: Cabaran Keluarga, Gender dan Sosiobudaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosiatimah Mohd Isa, Wan Shafizah Hussain & Intan Marsita Saidon. 2002. A survey on perceptions towards female academic leaders in public universities. Laporan Teknikal. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA Malaysia.
- Roslina Ismail. 2003. Penyertaan wanita dalam politik: Satu kajian sikap lelaki Islam di Terengganu. Laporan Teknikal. Universiti Malaysia Terengganu.
- Wazir Jahan Karim. 2003. A national study on information and communication technologies and gender. Laporan Teknikal. Kuala Lumpur. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Zaharah Hassan. 2004. Tingkah laku dan gaya kepemimpinan pemimpin akademik wanita di sebuah universiti awam. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Zubaidah Zainal Abidin, Frances Penafort & Marzlin Marzuki. 2004. Impediments to women accountants' career progression in Malaysia. Laporan Teknikal. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA Malaysia.

AZLINA ABDULLAH
Jabatan Sains Sosial
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Emel: alin_azlinaabd@yahoo.com.